



## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP<sup>2</sup> HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 41 RABU 12 Oktober, 1966. 1386 جمادى الآخر 27 رابو PERCHUMA

# Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei

## DAN MUARA

**BANDAR BRUNEI** — Peruntukan belanjawan bagi bekalan api elektrik untuk penduduk2 Kampong Ayer telah pun di-masokkan dalam anggaran perbelanjaan tahun hadapan.

Penjelasan itu telah di-beri oleh Kerajaan dalam Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara apabila menjawab satu dari lima soalan mulut dalam persidangan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 8 Oktober yang baru lalu.

Soalan mengenai bekalan elektrik bagi Kampong Ayer itu telah di-kemukakan oleh Awang Masri bin Raub wakil dari kawasan Saba.

Jawapan Kerajaan itu menambahkan bahawa dengan menyediakan peruntukan itu, maka ia-nya akan membolehkan kerja2 di-mulakan.

"Walau pun bagitu, kerja2 di-Kampong Ayer ada-lah susah dan lambat, kerana tahun hadapan anggaran perbelanjaan akan di-penhokkan oleh tambahan ranchangan perbekalan tenaga elektrik negara di-Sungai Liang, Telisai, Bandar Brunei dan lain2."

Pengiran Mohammed bin Pengiran Lahab, wakil dari kawasan Raja Muda telah mengemukakan keraguan-nya tentang kelambatan Pegawai Imigresen mengeluarkan surat kebenaran yang sah bagi membolehkan peniaga2 dari Brunei menjalankan usaha2

perniagaan mereka luar dari kawasan Brunei seperti ka-Limbang dan Mengalong.

Bagi menyelesaikan keraguan itu, Kerajaan telah menasehatkan supaya peniaga2 itu berjumpa dengan Pegawai Imigresen yang bertugas sehari sa-belum tarikh pelayaran mereka.

Pegawai2 Imigresen sahingga hari ini sentiasa menjalankan tugas mereka tiap2 hari dari pukul 7 pagi hingga 8 malam, walaupun Jabatan Imigresen belum mempunyai kaki tangan yang chukop bagi menjalankan tugas pada sa-tiap masa dan waktu.

Terdahulu dari itu, wakil dari kawasan Sultan Lama, Awang Mokhtal bin Md. Salleh telah ragu2 tentang kemungkinan sa-tengah dari pekebun2 sayor yang bukan beragama Islam yang di-katakan-nya menggunakan baja najis manusia dan binatang yang di-larang oleh agama Islam.

Beliau meminta penjelasan Kerajaan sama ada sa-buah badan penyiasat telah di-bentok untuk menyiasat perkara itu.

Kerajaan menyatakan bahawa sa-hingga masa ini belum ada di-bentok sa-buah Badan Penyiasat berkenaan perkara itu.

Awang Abd. Rahman bin Chuchu, wakil kawasan Bu-

kit Salat pula menyoal kenapa selalu di-dapati apabila sa-saorang yang hendak mendaftar beranak dan mati terpaksa menunggu pengeluaran sijil pendaftaran sa-lama saminggu atau lebih.

Ahli2 Majlis telah di-beri tahu bahawa berlaku-nya kelambatan itu ia-lah di-sebabkan butir2 yang di-berikan terpaksa di-pereksa dengan teliti dan kadang2 orang2 yang mendaftar merasa kesulitan untuk memberi keterangan yang betul dan ini juga menyebabkan kelambatan yang tidak dapat di-elakkan.

Kerajaan menegaskan, usaha2 terpaksa di-ambil bagi menetapkan supaya penerangan2 yang di-beri dalam sijil2 itu semua-nya betul, kerana chatetan2 di-Jabatan Pendaftaran Beranak dan Mati ada-lah mustahak kepada negeri ini.

Pengiran Mohammed bin Pengiran Lahab telah juga mengemukakan pertanyaannya mengenai pembenaan jalan kecil yang menghubungkan Kampong Setia (Rangau Baru), Kampong Tarap Bau dan Kampong Sungai Kebun (Hujung Jalan Lumapas).

Kerajaan menegaskan bahawa Pejabat Daerah telah pun menyediakan peruntukan untuk membena jalan kecil itu, tetapi apabila

pembenaan-nya hendak di-jalankan satengah2 dari tuan2 punya tanah tidak membenarkan pembenaan jalan tersebut melalui tanah2 mereka.

"Sa-balek-nya mereka menhadangkan supaya pembenaan jalan itu di-aleh ka-tempat lain yang di-dapati tidak sesuai kerana berbukit2 tinggi, maka dari itu pembenaan jalan tersebut telah di-tanggohkan," jelas Kerajaan.

Persidangan Majlis Mashuarat itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara Awang Ali bin Awang Besar.

## 7 Orang Penuntut Tamat Menjalani Kursus Pertanian

**KILANAS.** — Penulong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah menyampaikan Sijil2 Pertanian kepada 7 orang penuntut sa-telah mereka tamat menjalani latihan pertanian selama dua bulan di-Pusat Pertanian Kilanas pada hari Sabtu yang lalu.

Penuntut2 itu ia-lah 3 orang dari Daerah Tutong, 3 orang dari Daerah Brunei dan sa-orang dari Daerah Temburong.

Mereka ia-lah, Awang Abu bin Hidup, Awang Labang bin Kitam, Awang Baok bin Dua, Awang Tanjong bin Asek, Awang Jumaat bin Sulaiman, Awang Abdullah bin Jaya dan Awang Masri bin Basia.

Ini-lah kali yang ke-16 latihan pertanian itu di-adakan.

Sa-hingga ini sa-ramai 125 orang penuntut telah tamat latihan dari pusat tersebut sejak ia-di-jalankan pada tahun 1962.

Mereka juga di-berikan perkakas pertanian dan beneh2 tanam2an.

Semasa balek ka-kampong masing2 mereka akan mengusahakan kebun2 mereka dan akan di-bayar gaji sa-banyak \$6 sa-hari selama tiga bulan.



Penulong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh kelihatan menyampaikan Sijil Pertanian kepada sa-orang penuntut yang telah tamat menghadiri Kursus Pertanian di-Pusat Pertanian, Kilanas pada hari Sabtu 8 Oktober, 1966.



# PERAYAAN MEMPERINGATI HARI ISRA' ME'RAJ

**BANDAR BRUNEI.** — Satu perayaan bagi memperingati satu hari yang bersejarah bagi Umat Islam, ia-itu Hari Memperingati Isra' Me'raj, Junjongan Besar Nabi Muhammad s.a.w., akan di-adakan pada hari Khamis malam Juma'-at 10 November, 1966 mulai jam 7.30 malam bertempat di-Madrasah, Bandar Brunei.

Satu Sharahan Khas mengenai Isra' Me'raj Nabi Muhammad s.a.w., akan disampaikan oleh Pemangku Kadzi Besar Negeri Brunei, Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin di-majlis tersebut.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-majlis itu ada-lah seperti di-bawah ini:

(a) Peraduan Membach

## Keputusan Peraduan Berchuchol Di-Daerah Belait

**KUALA BELAIT.** — Keputusan Peraduan Berchuchol Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kali yang ke-lima puluh di-Daerah Belait ada-lah seperti berikut:

1. BAHAGIAN RUMAH2: Pertama — Dayang Fatimah binte Abdullah, Sungai Liang. Kedua — Pengiran Ahmad — Jalan Tanjong Lurus, Kuala Belait. Ketiga — Awang Osman bin Jair — Kuala Belait.

2. BAHAGIAN KEDAI2 (TOKO): Pertama — Chop Khon Foh, Kuala Belait. Kedua — Chop Yick Fatt, Setia. Ketiga — Seng Hup Hin, Kuala Belait.

3. BAHAGIAN SHRIKAT2, PEJABAT2 DAN PANGGONG2: Pertama — B.S.P. Process Plant, Setia. Kedua — Pintu Gerbang Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait. — Rumah Sakit Sharikat Minyak Shell, Kuala Belait.

4. BAHAGIAN SEKOLAH2: Pertama — Sekolah Menengah Chung Ching, Setia. Kedua — Sekolah Saint Michael, Setia. Ketiga — Maktab Anthony Abell, Setia.

5. BAHAGIAN KESATUAN2, PERSATUAN2 DAN KELAB2: Pertama — Kelab Melayu Shell, Setia. Kedua — Persatuan Keng Kau, Kuala Belait. Ketiga — Persatuan Kejuruteraan China, Setia.

## ME'RAJ

cha Sajak terbuka kepada Pertubohan2 Bella, Maktab2 dan Badan2 Persekolahan di-seluruh Negeri Brunei.

(b) Peraduan Nashid terbuka kepada Sekolah2 Ugama Daerah Brunei dan Muara, termasuk-lah Sekolah Arab Hassanah Bol-kiah.

Jawatan Kuasa Sambutan Memperingati Isra' Me'raj menyerukan kepada Pertubohan2 Bella, Maktab2 dan Badan2 Persekolahan di-seluruh Negeri Brunei agar dapat bersama2 mengikuti dan me-

nyertai peraduan2 tersebut, sa-bagai satu2 langkah bagi membesarkan Shi'ar Islam.

Permohonan untuk mengambil bahagian dalam Peraduan2 Membacha Sajak dan Nashid sila-lah berhubung seperti berikut:

Peraduan Membacha Sajak: Sila-lah berhubung dengan Pengerusi Peraduan Membacha Sajak Sambutan Hari Isra' Me'raj, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

Peraduan Nashid: Untuk mengetahui dengan selanjutnya sila-lah membuat perhubungan dengan Pengeras Nashid, Jabatan Hal Ugama Negeri Brunei.

## Peraduan Bachaan Al-Koran di-Sengkurong

**SENGKURONG.** — Penduduk2 Mukim Sengkurong, Brunei akan mengadakan Peraduan Bachaan Al-Koran pada 13 Oktober, 1966 mulai jam 7.30 malam di-Dewan Sekolah Melayu Sengkurong.

Peraduan ini di-adakan ada-lah untuk memilih calon2 yang akan mewakili Mukim Sengkurong ka-Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah Brunei dan Muara.

Penduduk2 Mukim Sengkurong ada-lah di-jemput untuk memasuki peraduan tersebut, ia-itu mereka yang berumur tidak kurang dari 18 tahun ka-atas.

4 orang Calon akan dipilih ia-itu dua orang bahagian lelaki dan dua orang bahagian perempuan.

Sesiapa yang suka hendak memasuki peraduan tersebut di-minta-lah mendaftarkan diri kepada Imam Masjid Sengkurong, Brunei tidak lewat dari 13 Oktober, 1966 jam 12.00 tengah hari.

Selain daripada bachaan Al-Koran, majlis itu juga akan di-selang dengan persembahan "tablo," "Lagu2 Nashid" dan Sharahan dari Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei.

Orang ramai ada-lah di-jemput ka-majlis tersebut.

## AWANG NOORDIN BERCHUTI

**BANDAR BRUNEI.** — Penguasa Pelajaran Melayu Negeri Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latif telah berchuti sa-lama 5 bulan 6 hari mulai pada hari Isnin 10 Oktober, 1966.

Pada masa tersebut, Penolong Penguasa Pelajaran Melayu Negeri Brunei, Awang Mohamed Husain bin Mohamed Yusof akan berkhidmat sa-bagai Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu Negeri Brunei.

## Menghadhiri Seminar Trade Union di-Denmark

**BERAKAS.** — Pesuruh Jaya Buroh Negeri Brunei, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim telah berlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-Copenhagen, Denmark pada hari Rabu 5 Oktober, 1966 untuk menghadiri Seminar Trade Union Antara Bangsa sa-lama empat minggu.

Seminar itu di-mulai pada 10 Oktober dan di-hadhiri oleh wakil2 dari Eropah, Afrika Selatan, Tenggara Asia termasuk Brunei dan Timor Tengah.

## Jadual Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam

**BANDAR BRUNEI.** — Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei akan melawat ka-beberapa buah kampung dalam Negeri Brunei pada bulan ini untuk menayangkan wayang gambar dan memberikan sharahan.

Tujuan di-adakan tayangan wayang gambar dan sharahan itu ada-lah bermaksud untuk meluaskan lagi pengetahuan mengenai berbagai2 perkara mengenai pengajaran Ugama Islam dan sa-bagai-nya serta juga untuk memberikan hiburan kepada orang ramai.

Jadual lawatan rombongan Badan Penerangan Ugama Islam tersebut ada-lah seperti berikut:

15 Oktober: Kampong Binutan, Tutong.

16 Oktober: Kampong Rambai, Tutong.

17 Oktober: Kampong Ukong, Tutong.

19 Oktober: Kampong Layong, Tutong dan Kampong Tanjong Maya, Tutong.

23 Oktober: Kampong Sibut, Temburong.

24 Oktober: Kampong Amo, Temburong.

25 Oktober: Kampong Biang Estate, Temburong.

26 Oktober: Kampong Puni, Temburong.

Tiap2 pertunjukan wayang gambar dan sharahan tersebut akan di-mulai pada jam 7.30 malam.

Badan Penerangan Ugama Islam berharap kepada Ketua2, Penghulu2 dan penduduk2 kampung yang akan di-lawati itu supaya menghadhiri temasha yang akan di-adakan di-kampung2 tersebut.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong Mulia hari Rabu 12 Oktober hingga ka-hari Selasa 18 Oktober, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

| Hari       | Bulan | Dzohor | Asar | Maghrib | Isha | Imsak | Matahari Suboh Terbit |
|------------|-------|--------|------|---------|------|-------|-----------------------|
| 12 Oktober |       | 12.13  | 3.30 | 6.12    | 7.28 | 4.34  | 4.49 6.06             |
| 13 Oktober |       | 12.13  | 3.30 | 6.12    | 7.28 | 4.34  | 4.49 6.06             |
| 14 Oktober |       | 12.13  | 3.30 | 6.12    | 7.28 | 4.34  | 4.49 6.06             |
| 15 Oktober |       | 12.13  | 3.30 | 6.12    | 7.28 | 4.34  | 4.49 6.06             |
| 16 Oktober |       | 12.12  | 3.30 | 6.11    | 7.26 | 4.33  | 4.48 6.05             |
| 17 Oktober |       | 12.12  | 3.30 | 6.11    | 7.26 | 4.33  | 4.48 6.05             |
| 18 Oktober |       | 12.12  | 3.30 | 6.11    | 7.26 | 4.33  | 4.48 6.05             |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



## MEMELOK UGAMA ISLAM

KAMPONG RAMPAYOH. — Satu keluarga sa-ramai dua belas orang dari Kampong Rampayoh, Labi, Ulu Belait telah memelok Ugamma Islam baru2 ini.

Keluarga itu ada-lah mengandongi Awang Ladi bin Jaiz, isteri beliau Dayang Asmah, ayah beliau Awang Jaiz bin Abdullah, ibu beliau Dayang Sariah dan delapan orang anak beliau.

Istiadat mengislamkan keluarga Awang Ladi telah dilakukan di-Kampong Rampayoh oleh Imam Masjid kampong itu.

## MENGHADIRI PERSIDANGAN PENGAKAP DI-TAIPEI

BERAKAS. — Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh dan Ketua Pengakap Rover, Awang Salleh bin Ibrahim telah berlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-Hong Kong pada pagi hari Rabu 5 Oktober yang lalu dalam perjalanan mereka ka-Taiwan untuk menghadiri Persidangan Pengakap Tenggara Asia kali ke-lima.

Persidangan tersebut diadakan di-Taipei mulai pada 9 Oktober dan akan berakhir pada 15 Oktober.

Sementara itu, Awang Salleh bin Ibrahim telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari Hong Kong melalui Singapura pada petang hari Sabtu 8 Oktober, disebahkan pihak Imigresen di-Hong Kong telah tidak membenarkan beliau melawat Hong Kong.

Maka dengan hal yang sa-demikian, Awang Salleh terpaksa meninggalkan Hong Kong. Beliau telah berlepas dengan kapal terbang pada petang hari itu juga menuju ka-Singapura dalam perjalanan balek ka-Brunei.

## PEMBENAAN SEKOLAH MELAYU PUSAR ULAK SIAP AWAL TAHUN HADAPAN

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Pusar Ulak — demikian nama sementara sa-buah Sekolah Melayu yang telah di-bena oleh Kerajaan di-Bandar Brunei dengan perbelanjaan kira2 dua juta ringgit, akan dapat di-gunakan pada masa pembukaan Sekolah2 Melayu sa-lepas berchuti dalam bulan Januari tahun hadapan. Demikian kata Pegawai Pelajaran Negara Brunei. Dato Paduka Awang Malcolm MacInnes dalam satu pertemuan dengan beliau pada hari Sabtu yang lalu.

Sekolah tersebut akan dapat memberikan pendidikan kepada seramai 1,800 orang murid2, pagi dan petang dari Darjah Satu hingga Darjah Enam.

Dalam pertemuan tersebut, Dato Paduka Awang MacInnes menerangkan bahawa Sekolah Melayu Pusar Ulak itu telah di-bena sa-bagai tambahan kepada Sekolah2 Melayu Bahagian Rendah di-Bandar Brunei, untuk mengatasi kesulitan mengenai pelajaran rendah murid2 di-Bandar Brunei yang sa-makin bertambah bilangan-nya pada tiap2 tahun.

Sa-lain daripada Guru2 Besar, Bahagian2 Pagi dan Petang, seramai kira2 70 orang guru akan di-tugaskan mengajar di-sekolah baru itu.

Bagaimana pun, tegas beliau, Jabatan Pelajaran belum-lah lagi melantik Guru2 Besar dan Guru2 Penolong sekolah tersebut.

Pekerjaan membena bangunan sekolah baru itu telah di-mulai pada awal tahun 1965. Bilek2 Darjah sekolah itu, berjumlah sa-banyak 30 buah, telah pun siap di-bena.

Pada masa sekarang pekerjaan membena Dewan sekolah itu dan lain2-nya sedang di-laksanakan.

### BANGUNAN BARU S.M.M.P.

Dato Paduka Awang MacInnes berkata lagi bahawa Kerajaan akan membena sa-buah bangunan kekal untuk Sekolah Menengah Melayu Pertama di-Bandar Brunei sedikit masa lagi.

Pada masa sekarang, Sekolah Menengah Melayu Pertama menggunakan bangunan lama Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam di-Bandar Brunei.

### BANGUNAN BARU M.P.M.B.

Beliau menerangkan selajut-nya sa-lain daripada pembenaan bangunan baru S.M.M.P., Kerajaan juga telah membuat persediaan untuk membena sa-buah bangunan kekal untuk Maktab Perguruan Melayu Brunei dan sa-buah Sekolah Latehan Mengajar untuk penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Bangunan baru M.P.M.B. itu akan di-bena di-sabwah kawasan yang luas-nya 35 ekar di-Jalan Kiarong, Kawasan Gadong tidak berapa lama lagi.

Maktab Perguruan Melayu Brunei pada masa sekarang menggunakan bangunan Sekolah Melayu Berakas. Bangunan M.P.M.B. itu telah di-jadikan sa-bagai Khemah Tahanan samanjak awal tahun 1963.

## Angkatan Persatuan PERKA Di-Tubuhkan Di-Kampong Perpindahan Kg. Ayer

BERAKAS. — Sa-buah lagi Persatuan baru telah di-tubuhkan di-Berakas ia itu di-Kawasan Perpindahan Kampong Ayer baru2 ini. Persatuan itu di-beri nama Angkatan Persatuan Pemuda Pemudi Perpindahan Kampong Ayer, rengkas-nya Angkatan Persatuan PERKA.

Pendaftaran persatuan tersebut telah pun di-luluskan oleh Pendaftar Persatuan2 Negeri Brunei pada 4 Oktober, 1966.

Awang Abidin bin Md. Zain telah di-lantek sa-bagai Pengerusi Jawatan Kuasa Penaja persatuan itu. Ahli2 Jawatan Kuasa Penaja persatuan tersebut ada-lah mengandongi: 1. Awang Shahri bin Husain. 2. Awang A. Ismail bin Ibrahim. 3. Awang Mohd. Umar bin Haji Abu Bakar. 4. Awangku Mahali bin Pengiran Damit. 5. Awang Puteh bin Jukin dan 6. Awang Moksir bin Chuchu.

Sunggoh pun Kampong Perpindahan Kampong Ayer ini maseh muda dalam usia-nya dan berasal dari beberapa buah kampong yang terletak di-Kampong Ayer, Daerah Brunei ini, namun semangat dari pemuda2 dan pemudi2 di-kampong yang baru ini ber-kubiar2 ingin hidup bersatu padu untuk membimbing anak2 buah dalam kampong yang baru ini demi untuk menuju ka-arrah kemajuan dan perpaduan.

Pemuda2 dan pemudi2 dalam kampong ini telah bersatu padu mengambil bahagian dalam Perarakan Tanglong Berjalan Kaki pada masa Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kali yang ke-lima puluh baru2 ini.

Dengan ada-nya kerjasama dan bantuan tenaga dari pemuda2 dan pemudi2-nya, mereka telah memperolehi satu kejayaan yang chemerlang dengan menjadi Johan dalam Peraduan Perarakan Tanglong Berjalan Kaki, Bahagian Orang2 Kampong, dalam perayaan tersebut. Dan dengan tertuboh-nya persatuan yang baru itu di-Kampong Perpindahan Kampong Ayer, maka bertambah-lah lagi sa-buah persatuan yang ingin berkhidmat untuk masharakat bagi menuju ka-arrah kemajuan. Berita kiriman: Awang M.Z. Abidin.



Dalam gambar ini kelihatan Pasokan Pemuda Pemudi Kampong Perpindahan, Kampong Ayer yang telah mengambil bahagian dalam Perarakan Tanglong Berjalan Kaki, Sambutan Hari Keputeraan D.Y.-M.M. Maulana Al-Sultan kali yang ke-lima puluh. Pasokan tersebut telah berjaya menjadi Johan dalam Peraduan Perarakan Tanglong Berjalan Kaki, Bahagian Orang2 Kampong. — Gambar kiriman Awang M. Z. Abidin.



## Bekalan Api Elektrik Untuk Kampong Ayer

KERAJAAN telah menjelaskan dalam Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu yang lalu bahawa peruntukan belanjawan bagi bekalan api elektrik untuk penduduk2 Kampong Ayer telah pun di-masukkan dalam anggaran perbelanjaan tahun hadapan.

Penjelasan itu ia-lah sa-bagai menjawab so'alan yang di-kemukakan oleh Yang Mulia Awang Masri bin Raub, Wakil Kawasan Saba dalam persidangan tersebut.

So'alan yang di-kemukakan oleh Yang Mulia Awang Masri bin Raub berkenaan dengan perkara tersebut berbunyi: "Sa-bagaimana saya ketahui kesulitan dan kemushkilan penduduk2 Kampong Ayer Daerah Brunei ini sentiasa tertunggu2 dan ternanti2 supaya Kerajaan memberikan kemudahan lagi, ia-itu ia-lah bekalan api (elektrik) Kerajaan. Dari itu, adakah Kerajaan akan memberikan bekalan api (elektrik) atau menyambungkan ka-Kampong2 Ayer. Dan jika ada, bila-kah Kerajaan akan memulakan kerja2-nya. Dan jika tidak, apa-kah sebab Kampong2 Ayer ini tidak di-beri bekalan api (elektrik). Beri jawapan yang sa-benar-nya."

Kerajaan telah menjelaskan perlu juga di-ingatkan bahawa kerja2 di-Kampong Ayer ada-lah susah dan lambat, kerana pada tahun hadapan, anggaran perbelanjaan akan di-penohkan oleh tambahan Rancangan Perbekalan Tenaga Elektrik Negara di-Sungai Liang, Telisai, Bandar Brunei dan lain2-nya.

Bagaimana pun, Kampong Ayer di-Daerah Brunei yang indah itu, akan di-lengkapkan dengan bekalan api elektrik pada masa akan datang kelak.

## ORANG RAMAI DI-MINTA MEMBERI MA'ALUMAT MENGENAI ANGGOTA2 TNKU YANG MASEH BEBAS

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah memberikan amaran pada hari Khamis yang lalu bahawa beberapa orang anggota Tentera Nasional Kalimantan Utara yang pada masa ini maseh bebas, mungkin menyembunyi diri mereka di-kawasan2 pedalaman Daerah Temburong.

Sa-orang Juruchakap Kerajaan berkata bahawa mungkin anggota2 TNKU itu akan berikhtiar untuk menuju ka-Daerah Temburong.

Juruchakap itu berkata lagi bahawa dua orang daripada anggota2 TNKU itu ia-lah bekas penduduk2 Daerah Temburong yang telah pergi ka-Kalimantan Indonesia untuk berlatah pada awal tahun 1962.

Beliau meminta kepada orang ramai supaya memberi tahu sa-barang ma'alumat mengenai anggota2 TNKU itu kepada Pegawai2 Polis, Tentera atau Kerajaan.

Terdahulu dari itu, Perdana Menteri Malaysia Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra, dalam satu siaran yang diterbitkan di-Kuala Lumpur telah menyebutkan ber-

kenaan dengan penangkapan beberapa orang anggota TNKU dan tentera Indonesia yang tidak ta'at setia oleh Pasokan2 Keselamatan Malaysia.

Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra juga telah menerangkan bahawa satu kumpulan kira2 50 orang suka-relawan TNKU di-ketuai oleh Tentera2 Indonesia yang tidak ta'at setia itu telah memasoki ka-Bahagian Kelima Sarawak dalam bulan Julai yang lalu.

Mereka telah di-lengkapkan dengan alat2 senjata dan di-perchayai bergerak menuju ka-Brunei.

## Yang Dipertua Baru Persekutuan Palang Merah Chawangan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, telah dengan sukachita Baginda, melantek Yang Terutama Awang F.D. Webber, Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei sa-bagai Yang Dipertua Persekutuan Palang Merah British, Chawangan Brunei. Demikian menurut satu siaran rasmi Persekutuan Palang Merah tersebut pada 10 Oktober, 1966.

# PERKHIDMATA KEH MASH



Awang Mohsin bin Pukol, Penu-long Pengawal Penchen Negara, Brunei.

Kerajaan Duli Yang Teramat Mulia Baginda telah menarik perhatian yang wibawa dan haraan kasehatan bahlawan kalangan ra'ayat negeri ini. Nasib orang2 tua yang terdapat di-pelusur saja bahkan tindakan2. Bagi membela negara telah di-keluarkan penchen2 untuk or menghidap penyakit k Dalam bulan Ogos telah di-keluarkan Ker mendapat penchen2 da



Sa-orang perempuan di-Ulu Tutong sedang di-temu ramah untuk mendapatkan butir2 yang membolehkan ia di-beri bayaran penchen tua.



Pegawai2 Jabatan Penchen sa-waktu melakukan pembayaran di-Ulu Tutong.



# PENCHEN MEMPERTEGOH

## UPAN RAKAT

a Mulia sentiasa menumpu-  
kan hanya di-segi pemeli-  
f hidup yang lebeh baik di-

rang2 yang chachat berat  
h ayer tidak terbiar bagitu  
ajar telah di-lakukan.

eka itu berpuloh2 ribu wang  
a tiap2 bulan bagi memba-  
a, orang2 buta, orang2 yang  
sakit otak.

alu saja, lebeh dari \$85,000  
agi membayar orang2 yang  
empat2 peringkat itu. De-  
n itu lebeh dari satu juta ringgit telah di-keluarkan  
am satu tahun.

Kerana itu, pelanchong2 dan pelawat2 luar negeri  
rasa kagum melihat keamanan dan kema'moran negeri  
dan mereka mensifatkan Brunei sa-bagai satu2-nya  
ara di-Asia yang berseih dari pengemis atau peminta  
ekah.

Jabatan Penchen2 Negara Brunei telah di-tubuhkan  
ak akhir tahun 1954 dan sa-hingga masa ini sa-ramai  
21 dengan 109 orang tanggungan mereka telah me-  
ima bayaran penchen dalam ke-empat2 peringkat itu.  
Angka2 itu ada-lah mengandongi sa-ramai 3,998  
ng menerima penchen tua (berumur 60 tahun ka-atas),  
ng2 buta sa-ramai 114 dengan 82 orang tanggungan,  
ng yang menghidap penyakit kusta sa-orang dan sa-  
ng tanggungan dan orang yang menghidap penyakit  
k sa-rasmi 8 orang dengan 26 orang tanggungan.

Berhubung dengan pembayaran pula, bagi penchen2  
sa-banyak \$81,100; orang2 buta sa-banyak \$3,500;  
yakit kusta \$20; dan bayaran penchen bagi orang2  
g menghidap penyakit otak sa-banyak \$390. Ini ada-  
angka2 bagi satu bulan saja ia-itu bagi bulan Ogos,  
6 yang lalu.

Apakah yang akan berlaku ka-atas lebeh dari 4,000  
ng yang menerima bayaran penchen ini, kira-nya Ke-  
aan tidak menubuhkan perkhidmatan penchen negara

Bagaimana nasib mereka dan anak isteri me-  
ka andai-nya Kerajaan tidak menghulorkan bantuan  
pada mereka. Walau pun kita tahu bahawa banyak di-  
ara orang2 itu bukan-lah orang2 susah, tetapi bagai-  
na keadaan-nya dengan orang2 yang hanya mengha-  
kan penchen itu.

Tentu-lah terbayang di-ruangan mata kita bagai-  
na di-dunia yang luas ini banyak, malah terlalu banyak  
nusia yang nasib-nya terlantar, tetapi di-negara kita  
s'alah ini dapat di-atasi dengan baik dan sempurna.

Kaki tangan Jabatan Penchen2 Negara telah mem-  
i perkhidmatan yang wajar di-satiap kampung tidak  
a di-ulu2 sungai di-pendalaman2 yang jauh terpenchil  
gan di-kunjongi mereka bagi membayar penchen2 itu  
pada orang2 yang mendapat penchen2 tersebut. Ka-  
ng2 mereka datang ka-kampung2 itu dengan menguna-  
pesawat helikopter dan mutu sangkut.



Perkhidmatan helikopter menyenangkan kerja2 pembayaran penchen2 di-Kampung2 Pendalaman.



Sa-orang nenek di-Kampung Ayer kelihatan menerima penchen  
tua-nya sa-banyak \$20.

# JAWATAN JAWATAN KOSONG:

## PENYUNTING DI-DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BRUNEI

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Penyunting di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

### KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

(a) Pemohon2 hendak-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sekolah Menengah Atas (Sijil Persekolahan Seberang Laut) atau yang sebanding dengan-nya;

(b) Mempunyai pengetahuan tinggi dalam bahasa dan persuratan Melayu; dan

(c) Mempunyai pengalaman dalam hal karang mengarang dan menyemak buku2 atau majallah.

(d) Bagi pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang di-sebutkan dalam (a) tetapi ada mempunyai pengalaman kemahiran yang luas dalam hal karang mengarang dan mempunyai pengetahuan dalam bahasa dan Sastera Melayu akan di-pertimbangkan juga.

## PEMBANTU TEKNIK

### RENDAH TINGKAT KHAS

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari Belip Tanah yang berjawatan tetap untuk di-lantek ka-jawatan Pembantu Teknik Rendah Tingkat Khas di-Pejabat Daerah dan Tanah, Belait.

**GAJI:** Dalam sukatan C 2 \$660x30 — 900.

**KELAYAKAN2:** Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sebagai Belip Tanah selama sekurang2 10 tahun. Mereka mesti-lah berpengalaman dalam hal sukat menyukat tanah dan mempunyai sedikit pengalaman mengenai taksir menaksir tanah. Ada baik-nya jika pemohon2 mengetahui Daerah Belait.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar dengan melalui Ketua Pejabat masing2 yang dikehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Oktober, 1966.

### GAJI:

Dalam sukatan \$660x30-900. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

### SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon yang berjaya yang bukan menjadi raayat D.Y. M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

### BAKSIS:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sechra berkontrek, baksis sebanyak 12½% dari

gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 November, 1966.

## Timbalan Merinyu Timbang dan Sukat

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari pegawai2 yang sedang berkhidmat dan berjawatan tetap untuk memenohi jawatan Timbalan Merinyu Timbang dan Sukat.

**GAJI:** D 3 EB 4-5 (Gaji tidak lebih dari \$660/-) \$400 x20 — 660.

**KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:** Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan Form III Sekolah Inggeris atau mempunyai kelayakan yang sebanding dengan-nya, dan telah berkhidmat dengan

Kerajaan selama tidak kurang dari 5 tahun.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar dengan melalui Ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama dengan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 27 Oktober, 1966.

## Pegawai Imigresen

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 lelaki yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan atau berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi 2 jawatan kosong sebagai Pegawai Imigresen di-Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

### KELAYAKAN2:

(a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan Form III Sekolah Inggeris dan Darjah IV Sekolah Melayu.

(b) Pemohon2 mesti-lah berumur 17 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun.

**GAJI:** Dalam sukatan gaji D. 1-2-3/EB/4 — \$210x10 — 270x15 — 360x20 — 480/EB 500x20 — 620.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 1 November, 1966.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar sechra lazim-nya melalui Ketua2 Pejabat.

## Penyelenggara Setor Tingkat III

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai raayat D.Y. M.M. Al-Sultan untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Pelajaran, Brunei.

### GAJI:

Dalam sukatan gaji E-1-2 EB 3 \$200x10-270/EB/280x10-330.

### KELAYAKAN2 DAN

#### PENGALAMAN:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah dan Form I Sekolah Inggeris dan berpengalaman dalam kerja setor.

Pemohonan2 mesti-lah di-isi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 1 November, 1966.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 beserta dengan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

## Keputusan Peraduan Berchuchol

**BANDAR BRUNEI.**—Keputusan Peraduan Berchuchol Lampu2 Rumah Bahagian Darat, Daerah Brunei bagi menyambut Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan pada tahun ini ada-lah saperti berikut:

**Perhiasan Lampu Bangunan2 Perniagaan.**

**Pertama:** Malayan Banking Berhad, Bandar Brunei.

**Kedua:** Harrisons dan Crosfield (Sabah) Berhad, Bandar Brunei.

**Ketiga:** Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Chawangan Bandar Brunei. **Berchuchol Lampu Rumah2 di-Darat.**

**Pertama:** Aw. Haji Abdul Rahman bin Ya'akub, Kg. Kota Batu. Hadiah-nya ia-lah sa-buah perisai dari Penulong Menteri Pelajaran, sa-buah

mangkok perak dan wang tunai \$144.

**Kedua:** Pg. Hidup bin Pg. Damit, Batu 6½ Jalan Pasir, Berakas. Hadiah-nya ia-lah sa-buah mangkok perak dan wang tunai \$95.

**Ketiga:** Aw. Abd. Wahab P.O.K. Indera Laila Haji Ismail, Batu 6, Jalan Pasir Berakas.

Hadiah-nya ia-lah sa-buah mangkok perak dan wang tunai \$75. Sa-puluh hadiah sagu hati sa-banyak \$30 satu telah juga di-berikan.

## MENGHADHIRI PERSIDANGAN PERIKANAN DI-HONOLULU

**BERAKAS.** — Pegawai Perikanan Negara, Brunei, Doktor Elmer Birkenmier, telah berlepas dengan kapal terbang ka-Honolulu pada minggu lalu untuk menghadiri Persidangan Majlis Mashuarat Perikanan Kawasan Indo-Pasifik.

Persidangan Majlis Mashuarat Perikanan itu akan di-mulai pada hari ini.

## LATEHAN MENEMBAK

**TUTONG.** — Pasokan "D" Kompeni, 2/6 Gurkha Rifles akan mengadakan latehan menembak dalam kawasan Kampong Penanjong, Kampong Bintauran dan Kampong Bukit Panggal di-

Daerah Tutong pada 12 dan 13 Oktober, 1966.

Hanya peluru2 kosong sahaja akan di-gunakan pada masa di-adakan latehan menembak itu.



# Perlawanan Sepak

**PERLAWANAN SEPAK RAGA JARING** antara Persatuan2, Kelab2 dan Persekola-han bagi Daerah Brunei dan Muara kerana Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Yang Ke-50, atas anjoran Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei, tahun Ke-5 telah di-adakan di-Bandar Brunei.

Mata kemenangan yang di-perolehi oleh pasukan2 yang menyertai Perlawanan Sepak Raga Jaring itu sejak 20 Ogos, 1966 dan berakhir pada 28 September, 1966 ada-lah seperti berikut:—

| Bil:               | Pasokan. | Champoran Mata |             |           |
|--------------------|----------|----------------|-------------|-----------|
|                    |          | Pasokan 'A'    | Pasokan 'B' | 'A' & 'B' |
| 1. Maktab S.O.A.S. | 26       | mata           | 36 mata     | 62 mata   |
| 2. KUBU            | 18       | "              | 38 "        | 56 "      |
| 3. BOMBA.          | 28       | "              | 22 "        | 50 "      |
| 4. SRI. TANJONG    | 23       | "              | 26 "        | 49 "      |
| 5. INSAP           | 17       | "              | 29 "        | 46 "      |
| 6. AMDB.           | 15       | "              | 30 "        | 45 "      |
| 7. BAKTI.          | 16       | "              | 19 "        | 35 "      |
| 8. IKLS.           | 14       | "              | 20 "        | 34 "      |
| 9. SRJIP.          | 32       | "              | —           | 32 "      |
| 10. SUMBILING.     | —        | "              | 32 "        | 32 "      |
| 11. PUSAKA.        | 8        | "              | 23 "        | 31 "      |
| 12. M.P.M.B.       | 12       | "              | 16 "        | 28 "      |
| 13. SMMP.          | 16       | "              | 12 "        | 28 "      |
| 14. PERANGKAP.     | 7        | "              | 19 "        | 26 "      |
| 15. TIBA.          | 16       | "              | 9 "         | 25 "      |
| 16. IBB.           | 14       | "              | 10 "        | 24 "      |
| 17. PERKASA.       | 9        | "              | 9 "         | 18 "      |
| 18. 3 PKA.         | —        | "              | 15 "        | 15 "      |
| 19. SULTAN LAMA    | —        | "              | 11 "        | 11 "      |
| 20. PULIS.         | 3        | "              | 3 "         | 6 "       |
| 21. PGGM.B.        | —        | "              | 3 "         | 3 "       |

Pada 1 Oktober, 1966 Per-lawanan Akhir dan upacara menyampaikan hadiah telah di-langsungkan bertempat di-Dewan Maktab SOAS., Bandar Brunei di-mulakan jam 7.30 malam dan berakhir jam 10.30 malam.

Keputusan perlawanan ada-lah seperti berikut:

**Perlawanan kalah mati** ("Knock-out"):

- (i) Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan KUBU dengan Pasokan Maktab S.O.A.S. Keputusan-nya di-me-nangi oleh Pasokan Maktab S.O.A.S. dengan 12-15, 15-8 dan 15-4 mata.
- (ii) Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan BOMBA dengan Pasokan SRJIP, Keputusan-nya pasokan SRJIP menang dengan 18-15 dan 18-16 mata.
- (iii) Perlawanan Akhir antara Pasokan Maktab S.O.A.S. dengan pasokan SRJIP, Keputusan-nya pasokan SRJIP menang dengan 11-15, 15-5 dan 15-8 mata.

## SEPAK RAGA BULATAN:

Tiap2 pasukan yang mengambil bahagian di-beri 5 kali buangan kemudian di-jumlahkan tendangan yang di-perolehi dalam kelima2

buangan untuk kedudukan mata kemenangan. Keputusan perlawanan ia-lah:



Pegawai Daerah Tutong, Pg. Othman bin Pg. Anak Mohamed Salleh sedang merasmikan pembukaan Perlawanan Akhir Bola Sepak Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana

## Raga

**PERTAMA:** Pasokan BOMBA mendapat 146 mata.

**KEDUA:** Pasokan Maktab S.O.A.S. mendapat 107 mata.

**KETIGA:** Pasokan S.M.M.P. mendapat 34 mata.

Keputusan perlawanan pada semua peringkat dan memegang hadiah2 rebutan bagi tahun 1966 ada-lah seperti berikut:

### KUMPULAN PASOKAN "A":

**PERTAMA:** Pasokan SRJIP mendapat 32 mata. Memegang Perisai Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hasanah Bolkiah dan Oskar Persekutuan Guru2 Melayu Brunei. Pasokan ini telah 5 tahun berturut2 memegang hadiah tersebut.

**KEDUA:** Pasokan BOMBA mendapat 28 mata.

**KETIGA:** Pasokan Maktab S.O.A.S. mendapat 26 mata.

### KUMPULAN PASOKAN "B":

**PERTAMA:** Pasokan KUBU mendapat 38 mata. Memegang Perisai Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

**KEDUA:** Pasokan Maktab S.O.A.S. mendapat 36 mata.

**KETIGA:** Pasokan SUM-

BILING mendapat 32 mata.

### CHAMPORAN MATA "A" DAN "B":

**PERTAMA:** Pasokan Maktab S.O.A.S. mendapat 62 mata. Memegang Piala Yang Berhormat Pehin Bendahari China Kornia Di-Raja Awang Hong Kok Tin, Penulong Menteri Kesihatan dan Perubatan, Brunei.

**KEDUA:** Pasokan KUBU mendapat 56 mata.

**KETIGA:** Pasokan BOMBA mendapat 50 mata.

### PERLAWANAN KALAH MATI:

**PERTAMA:** Pasokan SRJIP, memegang Piala Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pg. Md. Limbang, Penulong Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pos. Pasokan ini telah dua tahun berturut2 memegang hadiah tersebut.

**KEDUA:** Pasokan Maktab S.O.A.S.

### SEPAK RAGA BULATAN:

Pasokan BOMBA telah berjaya lagi menahankan kejuaraan-nya dan tahun ini masuk tahun ketiga memegang Perisai Iktesad Guru-Guru Melayu Brunei.

Hadiah2 rebutan dan hadiah2 kemenangan telah disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis Ibni Al-Mahrom Sultan Hashim kepada pasukan2 yang berjaya. Kiriman Awang Md. Hussain bin Zainal.

Al-Sultan di-Daerah Tutong. Pada hari Rabu yang lalu di-halaman tambahan di-siarkan bahawa Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Oth-

man bin Pengiran Anak Mohamed Salleh sedang merasmikan pembukaan Perlawanan Bola Sepak tersebut. Pengiran Othman yang sa-benar-nya ia-lah Pegawai Daerah Tutong.



## Pertunjukan Pertanian Sa-Negeri Brunei

**BANDAR BRUNEI.** — Pertunjukan Pertanian Sa-Negeri Brunei kali ke-18, tahun 1966 akan diadakan di-Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam (Bangunan Sementara), Jalan Padang, Bandar Brunei pada hari Juma'at 11 November, 1966.

Dengan ini, orang ramai di-peringatkan supaya bersedia menghantar beraneka jenis tanam2an, perusahaan2, pertukangan2 tangan, ternakan dan sebagainya.

Barang2 yang hendak di-pertunjukkan hendaklah di-hantarkan terdahulu sa-hari sebelum tarikh yang di-tetapkan di-atas, ia-itu pada 10 November, 1966 dan barang2 itu akan diterima mulai dari sebelah pagi hingga ka-petang-nya.

## Pekerjaan Membesarkan Bangunan Pusat Penukaran Talipon Di-Jalankan

**BANDAR BRUNEI.** — Penguasa Pengawasan Talikom Negara, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohamed menyatakan bahawa kerja2 sedang berjalan sekarang untuk mengubah dan membesarkan bangunan Pusat Penukaran Talipon Bandar Brunei untuk menambahkan lagi sebanyak 200 buah perkhidmatan talipon menjelang pertengahan tahun hadapan.

Pembesaran itu pada akhirnya akan dapat menambahkan bilangan talipon dari 800 buah kepada 3,300 buah pada tahun hadapan.

Seterusnya beliau berkata bahawa pengiraman awal alat2 kelengkapan dengan kapal laut di-jangka tiba di-Brunei pada pertengahan bulan hadapan.

Alat2 kelengkapan itu akan di-pasang untuk memberikan perkhidmatan talipon kepada 200 orang pelanggan yang maseh menunggu giliran mereka.

Kerja2 memasang alat2 penukaran yang di-perbesarkan itu di-jangka selesai kira2 dalam pertengahan tahun 1967.


Pembesaran ka-atas bangunan Pusat Penukaran Talipon itu ada-lah termasuk perubahan2 yang akan dilakukan kepada susunan tingkat bawah-nya untuk menampung alat2 kelengkapan otomatik yang akan ditambah.

Tingkat dua akan ditambahkan kepada bangunan itu untuk menampung alat2 switchboard serta bilek2 pejabat bagi pekerja2 tambahan.

**GUNAKAN-LAH  
BAHASA MELAYU**



Penuntut2 Sekolah Melayu S.M.J.A. Bandar Brunei, di-bawah pimpinan Chegu Sahara Ahmad, telah mempersembahkan sa-buah Tarian Brunei Asli bernama "TARIAN DANG MENGALAI" di-Majlis Perjumpaan Jawatan2 Kuasa Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. di-Bandar Brunei, bertempat di-Dewan P.G.G.M.B., Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada malam 5 Oktober yang lalu dengan memperolehi sambutan yang baik dari kalangan para hadirin. Gambar ini di-ambil di-Bilek Hias Dewan tersebut pada masa sa-bilangan daripada penuntut2 itu sedang berhias sa-belum mereka mempersembahkan Tarian Dang Mengalai.



Satu Majlis untuk menyampaikan Sijil2 Pertanian kepada tujuh orang penuntut2 dari Daerah2 Brunei, Tutong dan Temburong yang telah tamat menjalani Kursus Pertanian di-Pusat Pertanian Kilanas selama dua bulan telah di-adakan di-Pusat Pertanian itu pada hari Sabtu yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan penuntut2 yang telah tamat menjalani Kursus Pertanian tersebut.

## Pengumuman Jabatan Pelajaran

KAPADA orang2 yang bukan Melayu yang hendak memohonkan dermasiswa Kerajaan bagi tahun 1967, hendaklah lulus Darjah VIII dalam Bahasa Melayu. Peperiksaan mengenai perkara ini akan di-adakan pada awal bulan Disember, 1966.

Mereka yang ingin hendak memasoki peperiksaan tersebut bolehlah menghantar permohonan mereka kepada Penguasa Pelajaran Melayu, Brunei tidak lewat dari 31 Oktober, 1966 untuk di-daftarkan.

**Pegawai Pelajaran Negara,  
Brunei.**



Satu Majlis Jamuan dan hiburan untuk merai'kan semua Ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. di-Bandar Brunei telah di-langsungkan di-Dewan P.G.G.M.B., Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada malam 5 Oktober yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan beberapa orang Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi sambutan tersebut, semasa mereka sedang menari Tarian Joget di-majlis itu.